

## Cabaran Sosial dalam Pelaksanaan Zakat Kalangan Masyarakat Muslim Bangkok

### *The Social Challenges in Implementing Zakat among Bangkok's Muslim Community*

WAEAMRENE WAEPA\*, SHOFIAN AHMAD, MOHD. NASRAN MOHAMAD  
& MUHAMAD RAZAK IDRIS<sup>1</sup>

#### ABSTRACT

*Nowadays, there are three major institutions which are officially responsible for managing the zakat affairs of the Muslim community in Bangkok, namely the Bangkok Islamic Religious Council, Bangkok Islamic Center Foundation and Santichon Bangkok Foundation. These three institutions face social challenges which are part of the obstacles towards the enhancement of the role of zakat among the Muslim society in Bangkok. Those social challenges can be divided into three aspects, namely the understanding, attitude and appreciation of the Muslim society towards zakat obligations. The study is based on interviews with Muslim leaders in Thailand namely Arron Boochom, the President of Bangkok Islamic Religious Council; Ismail Ali, an Adviser to the Islamic Centre of Bangkok; Banson bin Kasan, a Committee Member of Santichon Islamic Foundation; Samad Matlulim, the President of the Central Foundation Bangkok; Prasert Wongsan, the Deputy President of Santichon Islamic Foundation and Issra Santhisath, a lecturer at Chulalongkorn University. Based on the findings, these social challenges must be continuously addressed by all parties in the Muslim society to ensure that the management of zakat in Bangkok will generate positive benefits enhancing the prosperity of socio-economic life of Muslim society in Bangkok. Some recommendations are suggested in order to overcome the social challenges, namely the promotion of zakat forums, implementation of a population census and the establishment of zakat law in Thailand.*

*Keywords: Bangkok, Islam in Thailand, Islamic authority, Muslim community, zakat*

Institusi-institusi pengurusan zakat di Bangkok, Thailand berhadapan dengan beberapa cabaran sosial dalam usahanya menyempurnakan tanggungjawab masyarakat Islam menunaikan kewajipan berzakat yang diperintahkan oleh agama Islam (al-Quran 24:4, 19:3). Peranan institusi zakat dalam menguruskan kewajipan umat Islam ini adalah sejajar dengan tugas amil atau pengutip zakat yang telah diamalkan dalam tradisi keagamaan Islam sejak era Nabi Muhammad SAW (Kamil Md. Idris 2009).

<sup>1</sup> **Waemrene Waepa\***(Corresponding author), doctoral student at Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: rannazeeukm@gmail.com; **Shofian Ahmad**, Ph.D., assoc. professor at Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: shofian@ukm.edu.my; **Mohd Nasran Mohamad**, Ph.D., professor at Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: nasran@ukm.edu.my; **Muhamad Razak Idris**, Ph.D., senior lecturer at Department of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: mrzak@ukm.edu.my.

Dalam konteks masyarakat Islam di era moden, tugas amil telah distrukturkan dalam bentuk penubuhan institusi kutipan zakat oleh pemerintah Islam. Misalnya di negeri Selangor, Malaysia, pemerintah telah menubuhkan Lembaga Zakat Selangor (LZS) sebagai badan khas dibawah pengawasan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi menjalankan urustabir pengurusan zakat di negeri tersebut (LZS 2014).

Di Bangkok, pengurusan zakat masyarakat Islam pada masa kini diuruskan oleh beberapa institusi yang diiktiraf oleh masyarakat Islam dan diakui oleh pemerintah Thailand. Terdapat tiga badan utama yang mengendalikan pengurusan zakat masyarakat Islam di Bangkok iaitu Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok. Ketiga-tiga institusi ini menjadikan peraturan pengurusan zakat yang telah diluluskan oleh Pejabat Majlis Agama Islam Pusat Thailand dalam Akta 10/2 dan peraturan yang telah digubal oleh Ahli Jawatankuasa Islam Pusat Thailand pada tahun 2008 sebagai sandaran perundangan bagi menjayakan peranan menguruskan hal ehwal zakat masyarakat Islam di Bangkok.

Pada masa kini, populasi masyarakat Islam di Bangkok berjumlah sekitar 600,000 orang iaitu mewakili 10 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk Bangkok (Issra Santhisath 2016). Sebagai ibu negara, Bangkok menjadi tumpuan masyarakat Islam dari seluruh Thailand kerana peranannya pusat pembangunan sosio-ekonomi terutama bidang pendidikan. Selain sebagai penduduk tetap, kebanyakan masyarakat Islam Bangkok adalah para perantau dari kalangan peniaga, pekerja awam dan pelajar (Zahari Awang 2014).

Tulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran-cabaran dari aspek sosial yang dihadapi oleh institusi-institusi pengurusan zakat di Bangkok hari ini dalam usaha mereka menjayakan keberkesanan pengurusan zakat bagi tujuan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam. Cabaran-cabaran yang dikenalpasti meliputi aspek kefahaman, sikap dan penghayatan masyarakat Islam terhadap kewajipan berzakat.

Metodologi tulisan ini berpandukan rujukan kepustakaan dan temubual dengan beberapa pemimpin masyarakat Islam di Thailand. Mereka ialah Arron Boochom iaitu Yang Dipertua Majlis Agama Islam Bangkok; Ismail Ali, Penasihat bagi Pusat Islam, Thailand; Banson bin Kasan, Ahli Jawatankuasa, Yayasan Islam Santichon; Samad Matlulim, Yang Dipertua Yayasan Pusat Islam Bangkok; Prasert Wongsan, Timbalan Yang Dipertua, Yayasan Islam Santichon, dan; Issra Santhisath, pensyarah Chulalongkorn University.

### **Institusi Pengurusan Zakat Masyarakat Islam Bangkok**

Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok merupakan antara institusi utama pengurusan zakat masyarakat Islam di Bangkok. Majlis Agama Islam Bangkok merupakan pusat pentadbiran Islam di Bangkok. Ia ditubuhkan oleh Raja Rama 8 pada tahun 1945 dan Yang Dipertua pertama ialah Tuan Guru Haji Wan Ismail Wan Yahya. Peranan utama Majlis Agama Islam Bangkok ialah mentadbir hal ehwal agama Islam di Bangkok, memupuk kesejahteraan masyarakat Islam dan memelihara kesucian agama Islam serta menjayakan rancangan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam (Aroon Boonchom 2016)

Manakala, Yayasan Islam Santichon Bangkok terletak di kawasan Ramkamgim Bangkok. Ia merupakan yayasan tersendiri yang dimiliki oleh masyarakat Islam dan disokong oleh penduduk Islam dan bukan Islam. Penubuhannya bertujuan bagi memberikan sumbangan pendidikan kepada penduduk Muslim dan bukan Muslim bagi memartabatkan taraf pendidikan kepada masyarakat secara menyeluruh. Yayasan ini ditubuhkan pada peringkat pertama pada tahun 1984. Setelah aktivitinya bertambah pesat, ia berkembang ke peringkat negara dan didaftarkan sebagai yayasan rasmi oleh kerajaan dan bernaung di bawah pertubuhan bukan kerajaan (Banson Kasan 2016).

Yayasan Pusat Islam Bangkok pula adalah sebuah yayasan yang bernaung di bawah pertubuhan bukan kerajaan. Ia ditubuhkan pada tahun 1976. Tujuannya ialah sebagai badan khas masyarakat untuk membantu program pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam dari pelbagai aspek kehidupuan. Antara program utama Yayasan Pusat Islam Bangkok ialah membantu golongan fakir, miskin, golongan saudara baru yang berhadapan dengan masalah keluarga, sosial atau tempat perlindungan. Selain itu, ia turut menyediakan pertolongan kepada pelajar yang kurang berkeupayaan dalam pengajian, menyediakan kemudahan dan perkhidmatan seperti program bimbingan rohani dan agama, perkhidmatan kaunseling dan latihan kemahiran (Smath Matlulin 2016)

Ketiga-tiga institusi pengurusan zakat tersebut memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam Bangkok. Peranan institusi ini mendapat pengiktirafan dari masyarakat setempat serta pihak kerajaan. Menerusi peranan pengurusan zakat, ketiga-tiga institusi ini telah mengagihkan kutipan zakat yang diperolehi kepada golongan asnaf yang layak sejajar dengan dasar dan amalan pengagihan setiap institusi.

### **Cabaran Sosial dalam Pengurusan Zakat Masyarakat Islam Bangkok**

Institusi-institusi pengurusan zakat di Bangkok berhadapan dengan beberapa cabaran sosial dalam proses menjayakan peranannya menjadikan instrumen pembangunan sosio-ekonomi ummah. Cabaran sosial tersebut boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu kefahaman, sikap dan penghayatan.

#### **Cabaran Kefahaman**

Masyarakat Islam Bangkok didapati berpegang dengan kefahaman bercorak tradisional dalam melaksanakan kewajipan berzakat. Kefahaman berbentuk tradisional ini boleh dilihat dalam tiga aspek iaitu pengiraan zakat dan pembayaran zakat. Dari aspek pengiraan zakat, secara umumnya, masyarakat Islam Bangkok memahami ilmu zakat berpandukan perbincangan yang terkandung di dalam sumber rujukan ilmiah oleh para ulama klasik. Misalnya, harta yang wajib dikenakan zakat yang difahami oleh masyarakat Islam ialah seperti tanaman, wang simpanan dan ternakan. Kefahaman ini terhad dan tidak meluas. Oleh itu, sebahagian masyarakat Islam Bangkok tidak memahami iaitu harta dalam bentuk perniagaan, saham, gaji, bonus dan komisyen tidak terikat dengan kewajipan berzakat (Prasert Wongsan 2016). Kefahaman masyarakat yang bersifat klasik ini adalah salah satu dari cabaran besar sosial yang dihadapi oleh institusi pengurusan zakat di Bangkok. Ilmu zakat yang terhad memberi kesan terhadap pengembangan para pembayar zakat serta jumlah kutipan zakat tahunan oleh institusi pengurusan zakat.

Kefahaman zakat yang bercorak tradisional juga tergambar dalam aspek kaedah pembayaran zakat. Menurut Ismaail Ali (2016), masyarakat Islam Bangkok memahami iaitu kaedah pembayaran zakat yang sebenar dan diakui oleh hukum Islam hendaklah dilakukan secara bersemuka dengan dengan amil menerusi kaedah *ijab* dan *qabul* di kaunter-kaunter zakat. Kefahaman ini memberi kesan dari segi sambutan terhadap sambutan program pembayaran zakat menerusi kaedah baru yang diperkenalkan oleh institusi zakat seperti pembayaran melalui potong gaji atau melalui kaedah elektronik seperti internet, mesin ATM, Kad kredit dan seumpamanya. Sambutan terhadap kaedah pembayaran zakat menerusi mekanisme baru itu kurang mendapat sokongan dan penyertaan dari masyarakat Islam Bangkok.

Kefahaman yang terhad tentang sumber harta dan kaedah pembayaran zakat menjadi satu cabaran sosial terhadap institusi pengurusan zakat di Bangkok. Ia menjejaskan rancangan bagi mengembangkan pembangunan zakat dan menjayakan pembangunan sosio-ekonomi secara menyeluruh. Kefahaman ini juga menghadkan penglibatan masyarakat Islam dalam

menjadikan institusi zakat sebagai wadah dalam pembangunan ummah (Prasert Wongsan 2016).

Menurut Issra Santhisath (2016), kefahaman yang rendah tentang kewajipan zakat dapat dilihat dari segi tahap pengentahuan mereka tentang ilmu zakat. Sebahagian masyarakat tidak memahami dengan jelas asas-asas pengetahuan zakat seperti syarat-syarat wajib zakat, sempurna milik, nisab, hawl, jenis harta yang dikenakan zakat, pengiraan setiap jenis zakat, asnaf yang berhak menerima zakat, takrifan semasa setiap asnaf berdasarkan keadaan semasa setiap wilayah serta fiqh zakat terkini berdasarkan keadaan semasa dan sebagainya. Manakala terdapat sebahagian lain pula mempunyai tanggapan dan persepsi yang kurang tepat terhadap zakat. Ada antara mereka yang baranggapan zakat, derma, dan sedakah adalah amalan yang sama dari segi kedudukannya dan tidak wujud perbezaan antaranya. Begitu juga ada yang menyamakan antara cukai dan zakat sedangkan wujud banyak perbezaan antara kedua-duanya (Ismail Ali 2016).

### Cabaran Sikap

Permasalahan sikap pembayar zakat menjadi satu cabaran sosial yang besar terhadap institusi zakat di Bangkok. Analisa mendapati, pembayar zakat mempunyai sikap tersendiri terhadap isu kewajipan berzakat dan institusi pengurusan zakat. Antara sikap tersebut ialah amalan mengagihkan zakat kepada asnaf yang ditentukan sendiri oleh mereka. Amalan ini bukan sahaja melibatkan individu perseorangan, malah juga syarikat-syarikat perniagaan yang diuruskan oleh masyarakat Islam di Bangkok. Fenomena sikap ini dikenalpasti menerusi pengalaman para petugas di kaunter zakat di institusi zakat di Bangkok. Sebahagian pembayar yang hadir ke kaunter zakat adalah bertujuan sekadar mendapatkan khidmat pengiraan jumlah zakat yang wajib mereka tunaikan. Mereka tidak menunaikan zakat di kaunter institusi zakat, tetapi mengagihkan sendiri kepada golongan yang mereka telah kenalpasti di persekitaran mereka (Aroon Boonchom 2016).

Amalan mengagihkan sendiri bayaran zakat berpunca dari sikap tidak menyakini peranan institusi zakat dalam pengagihan kepada golongan asnaf yang berhak. Ketidakyakinan ini menyebabkan pembayar zakat menunaikan kewajipan zakat menggunakan kaedah sendiri. Situasi ini menggambarkan sikap sebahagian masyarakat Islam Bangkok yang tidak mengambil berat terhadap permasalahan masyarakat Islam. Sikap ini menunjukkan mereka tidak peduli dan mengambil tahu serta memandang ringan tentang peranan institusi zakat serta malas untuk membelajari lebih mendalam tentang zakat (Issra Santhisath 2016).

### Cabaran Penghayatan

Penghayatan ajaran agama yang rendah didapati antara faktor dalam cabaran sosial pengurusan zakat di Bangkok. Keadaan ini memberikan kesan terhadap penghayatan terhadap zakat sebagai satu ibadah penting dalam agama. Kewajipan menunaikan zakat terbit dari penghayatan keimanan kepada perintah Allah dan ajaran al-Quran. Tahap penglibatan masyarakat dalam mendokong institusi zakat bergantung kepada tahap penghayatan mereka terhadap ajaran agama Islam tentang kewajipan zakat.

Cabaran penghayatan ibadah zakat ini memberi kesan besar terhadap pembangunan institusi zakat di Bangkok secara khusus. Tambahan pula, peraturan membayar zakat tidak termaktub dalam undang-undang negara. Pelaksanaannya tergantung sepenuhnya kepada tahap penghayatan terhadap kewajipan menunaikan zakat di kalangan masyarakat Islam secara sukarela. Ini kerana, tidak ada sebarang bentuk penguatkuasaan dari segi undang-undang yang boleh memaksa masyarakat Islam melaksanakan kewajipan berzakat (Aroon Boonchom 2016).

Penghayatan yang rendah terhadap ibadah zakat menjadikan sebahagian masyarakat Islam Bangkok tidak memberikan keutamaan dalam menunaikan kewajipan ini. Masyarakat

Islam di Bangkok lebih mengutamakan tanggungjawab menunaikan cukai yang merupakan kewajipan undang-undang negara. Situasi ini juga mewujudkan keadaan di mana sebahagian masyarakat mengelak dari membayar zakat dan mencari alasan (Ismail Ali 2016). Keadaan penghayatan Islam yang rendah menyebabkan program pembangunan zakat di Bangkok tidak dapat berkembang dengan pesat bagi manfaat masyarakat dengan menyeluruh.

Ketiga-tiga cabaran sosial yang dinyatakan di atas adalah halangan kemasyarakatan yang utama dalam konteks pengurusan institusi zakat di Bangkok. Cabaran-cabaran hendaklah ditangani kerana ia memberi kesan besar secara tidak langsung kepada kelemahan dalam agenda pembangunan institusi zakat di Bangkok serta merencatkan program pembangunan sosio-ekonomi ummah secara berterusan.

### **Syor Bagi Menangani Cabaran Sosial dalam Pengurusan Zakat di Bangkok**

Ketiga-tiga cabaran sosial dalam pengurusan zakat di Bangkok tersebut menunjukkan keadaan pemikiran dan kebudayaan yang sedang dialami oleh masyarakat Islam Bangkok hari ini. Berpandukan dapatan yang ditemui, cabaran sosial ini berpunca dari faktor-faktor seperti tahap pendidikan yang rendah, dakwah yang tidak meluas serta ketidakcekapan dalam pentadbiran zakat di Bangkok itu sendiri. Sehubungan itu, beberapa syor berikut dianjurkan bagi mengatasi cabaran sosial dalam pengurusan zakat di Bangkok.

#### **Mewujudkan Forum Zakat Bangkok**

Satu forum zakat yang khas boleh di wujudkan bagi menyemarakkan lagi usaha meningkatkan syiar zakat. Forum ini boleh di anggotai oleh tokoh ilmuwan dan profesional dalam bidang pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam di Thailand. Peranan forum ini ialah sebagai perkumpulan perunding bagi memberikan idea dan langkah-langkah terbaik bagi menangani cabaran sosial dalam pengurusan zakat di Bangkok hari ini.

Menurut Ismail Ali (2016), masyarakat Islam Bangkok perlukan pendidikan menyeluruh tentang kewajipan dan amalan zakat pada masa kini. Menerusi forum ini, ia dapat menyelaraskan peranan semua pihak bagi memperluaskan lagi kefahaman dan pengetahuan tentang ilmu zakat serta pengurusannya pada masa kini menerusi penganjuran sesi diskusi ilmiah, seminar, penulisan dan sebagainya ke arah meningkatkan penghayatan zakat di kalangan masyarakat. Menerusi forum ini, ia boleh mendapatkan maklumbalas dari orang ramai, mempertemukan mereka yang berkepentingan dalam aspek pengurusan zakat serta mengukuhkan jaringan komunikasi ke arah meninggikan syiar zakat serta penghormatan masyarakat terhadap institusi pengurusannya.

#### **Penyelarasan Bancian Penduduk**

Institusi Zakat di Bangkok hendaklah menjalankan bancian penduduk masyarakat Islam di Bangkok bertujuan mengenalpasti tahap sosio-ekonomi mereka dan mengenalpasti golongan yang layak sebagai pembayar zakat. Menerusi bancian ini, institusi zakat dapat mengenali pembayar zakat dan golongan asnaf zakat secara sistematik dan dapat berhubung dengan mereka secara teratur menerusi penerangan yang berterusan. Menerusi komunikasi ini, ia boleh meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap peranan institusi zakat dalam pemerksaan ummah.

#### **Mewujudkan Undang-undang Zakat**

Satu undang-undang khusus tentang zakat hendaklah diwujudkan yang diiktiraf di peringkat negara. Menerusi akta yang rasmi dan diakui, ia boleh memberi kemudahan dan meningkatkan



tanggungjawab masyarakat terhadap kewajipan zakat. Malah, program berbentuk insentif cukai dan rebat dapat diperkenalkan kepada pembayar zakat sebagai galakan mereka membayar zakat. Menerusi undang-undang khusus yang diakui, satu badan khas bagi urusan kutipan dan pengagihan zakat akan dapat diselaraskan di Bangkok dan diseluruh Thailand.

Sebagai kesimpulan, peranan tiga institusi pengurusan zakat di Bangkok iaitu Majlis Agama Islam Bangkok, Yayasan Pusat Islam Bangkok dan Yayasan Islam Santichon Bangkok perlu terus diperkasakan demi memastikan zakat dapat dijadikan instrumen pembangunan ummah yang berkesan. Bagi tujuan itu, cabaran sosial yang dihadapi oleh masyarakat Islam Bangkok mesti ditangani secara tersusun dan berterusan. Masyarakat Islam perlu ditingkatkan lagi tahap kefahaman mereka terhadap zakat dan dibangunkan sikap yang positif terhadap peranan zakat dalam konteks pembangunan ummah. Mereka juga perlu diperkukuhkan kualiti penghayatan terhadap kewajipan zakat sebagai satu perintah agama dan rukun terpenting agama Islam.

Cabaran menangani persoalan sosial ini memerlukan penglibatan semua pihak terutama dari sektor pendidikan, dakwah dan perundangan. Bancian penduduk yang tepat serta pembangunan program pendidikan zakat secara sistematik akan dapat meningkatkan prestasi pembangunan zakat di Bangkok pada masa akan datang.

### References

*Al-Quran.*

- Aroon Boonshom. 2016. *Cabaran Sosial dalam Pelaksanaan Zakat Kalangan Masyarakat Islam Bangkok*. Temubual. 17 August, 2016.
- Banson bin Kasan. 2016. Ahli Jawatankuasa, Yayasan Islam Santhicon Bangkok. Interview. 22 August, 2016.
- Issra Santhisath. 2016. *Cabaran Sosial dalam Pelaksanaan Zakat Kalangan Masyarakat Islam Bangkok*. Interview. 8 August 2016.
- Ismail Ali. 2016. *Cabaran Sosial dalam Pelaksanaan Zakat Kalangan Masyarakat Islam Bangkok*. Interview. 5 August 2016.
- Kamil Md. Idris. 2019. *Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian*. Sintok: Universiti Utama Malaysia.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS). 2014. *Az-Zakah: Spirit, Realisation and Obligation – Achievement of Lembaga Zakat Selangor (MAIS)*. Shah Alam: Islamic Arts Museum Malaysia (IAMM).
- Prasert Wongsan. 2016. *Cabaran Sosial dalam Pelaksanaan Zakat Kalangan Masyarakat Islam Bangkok*. Interview. 12 August 2016.
- Pejabat Majlis Shaiyk Islam, 2002. *Samnak Chularatmontri, Kammakan Klang Islam*.
- Smath Matlulin. 2016. *Cabaran Sosial dalam Pelaksanaan Zakat Kalangan Masyarakat Islam Bangkok*. Interview. 8 August 2016.
- Zahari Awang. 2014. *Malayu dan Nusantara, Kejayaan Lampau, Kini dan Esok*, Kelantan: Darulnaim Sdn. Bhd.